



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***STRATEGI BERTUTUR DALAM KALANGAN PENDEBAT BAHASA  
ARAB DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI***

**AHMAD SYAHMI BIN MOHAMED**

**FBMK 2021 66**



**STRATEGI BERTUTUR DALAM KALANGAN PENDEBAT BAHASA ARAB  
DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI**

**Oleh**

**AHMAD SYAHMI BIN MOHAMED**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Jun 2021**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **STRATEGI BERTUTUR DALAM KALANGAN PENDEBAT BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRA-UNIVERSITI**

Oleh

**AHMAD SYAHMI BIN MOHAMED**

**Jun 2021**

**Pengerusi : Nik Farhan Mustapha, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Pelajar yang menyertai aktiviti debat perlu memiliki kemahiran berkomunikasi lisan yang berkesan baik dari segi penyampaian idea mahupun kehalusan bahasa. Seseorang pendebat yang fasih perlu menyampaikan hujah dengan seimbang, informatif, dan difahami. Dalam hal ini, penggunaan strategi bertutur yang berbeza- beza dilihat sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan komunikasi lisan yang berkesan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti strategi bertutur yang digunakan oleh pendebat bahasa Arab, serta menganalisis cara penggunaan strategi ini dalam proses perdebatan. Responden yang dipilih merupakan peserta debat yang menjuarai debat bahasa Arab peringkat IPT, manakala data diperolehi daripada rakaman video pertandingan debat serta temu bual dengan responden yang dipilih. Dapatan kajian kemudiannya dianalisis menggunakan Teori Strategi Komunikasi. Hasil kajian mendapati bahawa para pendebat menggunakan pengabaian mesej dan pengelakan topik; iaitu substrategi di bawah strategi pengelakan, serta penganggaran, kata ciptaan dan penghuraian berjela di bawah strategi parafrasa. Para pendebat juga kerap menggunakan terjemahan literal, rayuan kerjasama, penukaran bahasa dan mimik bagi strategi pemindahan. Kajian turut mendapati satu lagi substrategi baharu yang menjadi cabang kepada strategi terjemahan literal, iaitu terjemahan kontekstual. Selain itu, satu strategi baharu telah ditemukan, iaitu strategi pengulangan. Hasil analisis cara penggunaan strategi pula menunjukkan para pendebat menggunakan strategi dalam tiga (3) proses yang berbeza, iaitu semasa penyediaan teks, penyampaian hujah, serta ketika menjawab celahan. Strategi bertutur telah digunakan sebagai persediaan untuk menyusun idea sebelum perlawanan bermula. Apabila berada di pentas debat, strategi bertutur digunakan untuk melancarkan bahasa, menerangkan maksud, menarik perhatian, melakukan perpindahan kepada hujah seterusnya, dan juga sebagai tempoh singkat untuk merehatkan minda. Strategi bertutur juga digunakan apabila berhadapan dengan masalah kekurangan kosa kata atau mesej yang kurang difahami. Kesemua strategi ini digunakan untuk menyampaikan hujah dengan penuh yakin, tanpa rasa tergugat sekalipun menghadapi kekurangan daripada diri sendiri dan juga gangguan oleh pihak lawan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **SPEAKING STRATEGY AMONG THE ARABIC DEBATERS IN PRE-UNIVERSITY LEVEL**

By

**AHMAD SYAHMI BIN MOHAMED**

**June 2021**

**Chair : Nik Farhan Mustapha, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Students who participate in debates must have effective oral communication skills in terms of conveying ideas and using clear and lively language. A skilled debater will be able to present their arguments in a balanced, informed, and understandable manner. Therefore, the use of speaking strategies is an important element of effective oral communication skills. Therefore, this study was conducted to identify the speaking strategies used by Arabic-speaking debaters and to analyse their use in debates. Respondents were selected from the winners of university level debating competitions (IPT), and data were obtained from video recordings of debating competitions and interviews with respondents. The data were then analysed based on Communication Strategies Theory. The results showed that every debater used the avoidance strategy, that is, they abandoned the message and avoided the topic. They also used the paraphrasing strategy, which includes approximations, word creation, and paraphrasing. In addition, the debaters used the transfer strategy which consists of literal translation, request for support, language switch, and imitation. The study found another new sub-strategy which is a branch of literal translation strategy, namely contextual translation. In addition, a new strategy was discovered, namely the repetition strategy. The results of the analysis of how the debaters used the strategy showed that they used these strategies in three (3) different processes: during the preparation before the start of the contests, during the presentation of their arguments and also when addressing interjections. These strategies were used during preparation to organise the ideas before the start of the competition. When they were on stage, they were used to smooth out their speech, explain the meaning, get the attention of the judges and the audience, transition to the next content and also as a short phase to relax the mind. They were also used when dealing with a lack of vocabulary or poorly understood messages. All these strategies were used to articulate and present arguments confidently without feeling threatened despite one's own shortcomings and the interference of opponents.

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

Bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan yang ada untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan Jawatankuasa Penyeliaan tesis ini iaitu Dr. Nik Farhan Mustapha, Prof. Madya Dr. AB Halim Mohamad. Tidak lupa juga Dr. Syed Nurulakla Syed Abdullah, Prof Madya Dr. Nik Hannan Mustapha dan Dr. Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. Mereka semua telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja penyelidikan saya sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan dan pensyarah Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Juga tidak dilupakan sekalung penghargaan yang seikhlasnya kepada ayahanda dan arwah bonda saya, Mohamed bin Salleh dan Mazni binti Mohamad yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Juga buat isteri saya, Che Wan Nuriffah Uraina binti Che Wan Abdul Jamil, bonda baharu keluarga kami, Norhaizat binti Abdul Wahab dan adik beradik serta keluarga mentua sekalian kerana amat memahami, memberi dorongan dan semangat sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini dijalankan. Semoga anakanda sulung tercinta, Muhammad Nasymi mendapat inspirasi juga dari hasil kerja ini.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah SWT. Setiap kekurangan dan kelemahan pastinya datang daripada diri saya dan yang Maha Sempurna hanyalah milik-Nya.

Terima kasih.

AHMAD SYAHMI BIN MOHAMED  
Kampung Pulau Serai, Dungun 18  
Mac 2021

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Farhan binti Mustapha, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ab Halim bin Mohamad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 November 2021

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalm tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik.: Ahmad Syahmi bin Mohamed, GS51549



## Perakuan ahli jawatankuasa penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan thesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan : Dr. Nik Farhan Mustapha

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Ab Halim  
Mohamad

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Batasan Kajian	5
1.8 Kerangka Konsep	6
1.9 Definisi Operasional	7
1.10 Kesimpulan	8
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>9</b>
2.1 Pengenalan	9
2.2 Kemahiran Bertutur	9
2.2.1 Definisi Kemahiran Bertutur	9
2.2.2 Isu Kelemahan Kemahiran Bertutur Bahasa	10
2.2.2.1 Tahap Kemahiran Bertutur Bahasa Arab	11
2.2.2.2 Faktor Kelemahan Bertutur Bahasa Arab	11
2.2.3 Keperluan Kemahiran Bertutur	13
2.3 Strategi Bertutur	16
2.3.1 Taksonomi Strategi Bertutur	16
2.3.1.1 Strategi Pengelakan	18
2.3.1.2 Parafrasa	19
2.3.1.3 Strategi Pemindahan	19
2.3.2 Isu Dalam Strategi Bertutur Bahasa	20
2.4 Debat Sebagai Medium Penguasaan Bahasa	21
2.4.1 Definisi dan Konsep Debat dalam Pelajaran Bahasa	21
2.4.2 Kepentingan Debat dalam Mengukuhkan Kemahiran	23
2.4.3 Debat dalam Pelajaran Bahasa Arab	24

2.5	Kesimpulan	26
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
	3.2.1 Pendekatan Kualitatif	27
	3.2.2 Kajian Kes	28
	3.2.3 Latar Kajian	29
	3.2.4 Responden	31
	3.2.5 Pembinaan Item Temu Bual	32
3.3	Proses Pengumpulan Data	33
	3.3.1 Pengumpulan Data Rakaman	34
	3.3.2 Pengumpulan Data Temu Bual	34
3.4	Proses Analisis Data	35
	3.4.1 Analisis Data Rakaman	35
	3.4.2 Analisis Data Temu Bual	37
3.5	Keabsahan Analisis Data	38
	3.5.1 Keabsahan Dalaman	38
	3.5.2 Keabsahan Luaran	39
3.6	Kesimpulan	39
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	40
4.1	Pendahuluan	40
4.2	Analisis Strategi yang Digunakan oleh Pendebat	40
	4.2.1 Strategi Pengelakan	40
	4.2.2 Strategi Prafrasa	47
	4.2.3 Strategi Pemindahan	56
	4.2.4 Strategi Pengulangan	66
4.3	Analisis Pengaplikasian Strategi dalam Proses Perlawanan Debat	69
	4.3.1 Cara Penggunaan Strategi Semasa Penyediaan Teks	69
	4.3.2 Cara Penggunaan Strategi Semasa Penyampaian Hujah	73
	4.3.3 Cara Penggunaan Strategi Semasa Menjawab Cadangan	77
4.4	Kesimpulan	80
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	81
5.1	Pendahuluan	81
5.2	Rumusan Kajian	81
	5.2.1 Penggunaan Strategi Bertutur dalam Kalangan Pendebat	81
	5.2.2 Cara Penggunaan Strategi Bertutur dalam Proses Perlawanan Debat	83
5.3	Implikasi Kajian	84
	5.3.1 Implikasi Praktikal	84
	5.3.2 Implikasi Teoritikal	85
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	86
5.5.	Penutup	88

<b>BIBLIOGRAFI</b>	89
<b>LAMPIRAN</b>	95
<b>BIODATA PELAJAR</b>	103
<b>PENERBITAN</b>	104



© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
2.1	Senarai Strategi Komunikasi Tarone (1980)	18
3.1	Ringkasan Nama Responden	34
3.2	Simbol Data Video Rakaman	35
3.3	Simbol Rakaman Temu Bual	35



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian Berdasarkan Strategi Komunikasi Tarone (1980)	6
4.2	Strategi Bertutur	40
4.2.1	Strategi Pengabaian	41
4.2.2	Strategi Prafrasa	48
4.2.3	Strategi Pemindahan	56

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian dan akan menjelaskan perkara berkaitan dengan kajian yang merangkumi latar belakang, masalah, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Selain itu, beberapa definisi operasional kajian akan diterangkan untuk menghuraikan ruang lingkup kajian. Seterusnya, penyelidik menjelaskan kerangka konseptual kajian yang telah digariskan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Debat merupakan salah satu medium untuk pelajar menguasai pertuturan bahasa Arab. Tambahan pula, debat bahasa Arab dilihat sebagai cara atau kaedah dalam mengajar para pendebat menggunakan struktur idea yang berbentuk inovatif. Aktiviti ini dianggap sebagai suatu wadah atau alat dalam memperkukuh penguasaan bahasa Arab yang telah dipelajari di bilik kuliah. Melalui debat, banyak aspek akan dikuasai oleh pelajar, misalnya penguasaan idea. Driscoll (2000) berpendapat apabila pelajar saling berdebat dalam suatu pusingan untuk mencari titik resolusi, mereka akan pelajari bahasa kedua-dua belah pihak; iaitu kerajaan dan juga pembangkang adalah wajar untuk diterima segala pendapat, walaupun pendapat peribadi mereka menyatakan kecenderungan terhadap pihak lawan. Dari sudut penguasaan bahasa itu sendiri, khususnya debat bahasa Arab yang disertai oleh pelajar-pelajar bukan penutur jati, mereka perlu membuat persediaan dari aspek bahasa, bermula dengan perbincangan usul bagi tajuk yang bakal didebatkan, huraian, penulisan ucapan serta persoalan yang akan dilontarkan semasa sesi debat berlangsung (Morse, 2011). Selain itu juga, Azwan dan Maryam (2020) telah melakukan suatu kajian terhadap para pelajar universiti dalam melihat peranan debat sebagai aktiviti pelajaran dalam subjek bahasa Arab. Hasilnya, para pelajar sentiasa positif dengan penganjuran debat dalam kelas mereka kerana aktiviti ini melibatkan interaksi secara penuh dan mampu memaksa mereka untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan lebih yakin. Tambahan pula, aktiviti ini dikatakan mampu menyemarakkan lagi nilai persaingan dalam kalangan pelajar bahasa Arab di peringkat universiti untuk saling bersaing ketika berada dalam pertandingan dengan menyemai nilai cara berfikir yang sihat dalam menegakkan kebenaran di pihak masing-masing (Majdi, Ibrahim dan Solah, 2010).

Justeru itu, para pelajar yang menyertai debat kebiasaannya merupakan pelajar yang petah berbahasa Arab. Mereka mempunyai tahap kemahiran bertutur yang sederhana dan tinggi yang dipelajari khusus dalam sesi latihan debat. Manakala, jurulatih debat akan mengajar mereka pendekatan khusus berkaitan debat dalam kelas latihan. Mereka juga diajar cara untuk membina setiap isi dan huraian ucapan dengan laras bahasa yang

sesuai (al-Hujuri, 2019). Selain itu, strategi yang digunakan oleh para pelajar sewaktu berdebat terdiri daripada dua strategi asas yang utama, iaitu secara langsung dan tidak langsung (Afini, 2019). Oleh hal yang sedemikian, menjadi suatu keperluan kepada para pendebat untuk mempunyai strategi yang sistematik bagi menghadapi mana-mana acara debat yang mereka sertai.

Selain itu, setiap bahasa mempunyai komponen dan cara tutur yang berbeza yang boleh disampaikan melalui tulisan dan juga ucapan. Dalam hal ini, komponen bahasa dilihat sangat penting dalam menyampaikan idea daripada penyampai untuk diterima dan difahami oleh penerima. Melalui aktiviti debat, penggunaan bahasa yang betul dalam ucapan mampu memberi kesan yang baik dalam proses perdebatan, terutamanya dalam debat bahasa Arab. Perkara ini sekali gus mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti, sehingga debat dianggap sebagai suatu aktiviti bertutur efektif yang perlu dilaksanakan dalam pelajaran bahasa Arab di Malaysia (al-Hujuri, 2019).

### **1.3 Penyataan Masalah**

Dalam pelajaran sesuatu bahasa mutakhir ini, debat telah dijadikan sebagai suatu aktiviti berbahasa yang disertai oleh para pelajar bagi meningkatkan kemahiran komunikasi yang efektif serta gaya penghujahan yang menarik. Banyak isi dan hujah penting perlu dibentangkan oleh para pelajar yang bertindak sebagai pendebat agar maklumat yang diucapkan dapat dihadap oleh para juri dan penonton bagi mencapai kemenangan (Morse, 2011). Pada mulanya, debat hanya dijadikan aktiviti dalam pelajaran bahasa ibunda, namun aktiviti ini turut diaplikasi dalam pembelajaran bahasa asing, termasuk pelajaran bahasa Arab di Malaysia (al-Hujuri, 2019). Terdapat juga kajian lepas menyentuh perkaitan antara aktiviti debat dan kesediaan dunia dengan menyesuaikan intipati aktiviti berkenaan dengan 5 prinsip utama, iaitu komunikasi, budaya, perhubungan, perbandingan dan juga komuniti (Kaseh Abu Bakar & Nur Adibah Alias, 2017).

Memandangkan aktiviti ini mula berkembang dalam pelajaran bahasa Arab di Malaysia, beberapa kajian telah dijalankan sama ada yang memberi fokus kepada faktor dalaman pendebat, mahupun kepada penguasaan bahasa Arab para pendebat itu sendiri. Misalnya, kajian mendapati terdapat pengaruh perbezaan individu dalam menguasai kemahiran pertuturan para pendebat bahasa Arab. Pendebat yang mempunyai kepercayaan yang kukuh kepada aktiviti debat, kawalan emosi yang baik, serta faktor sendiri yang tinggi akan dapat menguasai pertuturan dengan baik bukan hanya semasa berdebat, tetapi juga dalam sesi pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan (Hamzah, 2015). Dari aspek linguistik pula, isu sebutan bahasa Arab turut diberi perhatian, apabila para pendebat didapati melakukan kesilapan dalam menuturkan huruf yang tiada persamaan dalam bahasa Melayu. Kesilapan juga dilakukan apabila melibatkan baris dan gandingan huruf dalam sesuatu patah perkataan (Majdan et al., 2015).



Namun, di sebalik kelemahan dan faktor dalaman ini, aktiviti debat dilihat mempunyai hubungan positif yang erat dengan kemahiran pertuturan bahasa Arab. Ini bermakna kemahiran pertuturan seseorang pelajar dapat ditingkatkan apabila mereka menyertai aktiviti ini. Ia bukan setakat memperkukuh cara sebutan yang betul dan tepat seseorang pendebat (Majdan, 2013), malah tahap kefasihan, kemahiran membina hujah, pemahaman yang cepat serta kemampuan berhujah dengan fakta yang tepat juga dapat ditingkatkan, di samping keyakinan diri yang berjaya dipupuk dalam kalangan pendebat (al-Hujuri, 2009). Selain itu, tahap kefasihan berbahasa dalam kalangan pendebat bahasa Arab telah dikaji oleh Nur Adibah (2018) dari sudut pemerolehan bahasa kedua pada aspek teori output desakan dan pendekatan kefasihan. Natijahnya, aktiviti debat membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab seseorang pelajar secara keseluruhan (Sueraya, Ismail, Ariffin, Ismaiel, 2010). Oleh itu, para pelajar terutamanya pada peringkat universiti amat digalakkan untuk menyertai aktiviti debat dalam bahasa Arab melihatkan keupayaannya dalam meningkatkan kemahiran pertuturan mereka (al-Hujuri, 2019; Sueraya, et al., 2010).

Dalam hal ini, kemahiran bertutur bahasa Arab yang baik didapati amat berkait rapat dengan penggunaan strategi yang efektif (Anida, 2003; Abdullah, 2018). Tanpa strategi, seseorang pelajar tidak mampu menyusun kosa kata dan idea secara baik dan sempurna. Tambahan pula, penggunaan pelbagai strategi pelajaran bahasa mampu melonjakkan lagi mutu kemahiran bertutur seseorang (Sueraya et al., 2010). Dalam konteks debat pula, pendebat perlu memiliki strategi penyampaian yang berkesan. Hal ini berkait rapat dengan konsep debat yang merupakan satu medan perbahasan yang sarat dengan konflik, maka para pendebat perlu tampil dengan pelbagai strategi bagi memastikan hujah yang disampaikan mudah difahami, meyakinkan dan bersifat persuasif bagi menambat hati juri (Norazlina & Noor Asliza, 2018). Namun, kajian lepas berkaitan debat Arab hanya mengatakan debat sebagai strategi pelajaran bahasa, tanpa memberi penerangan berkaitan strategi bertutur yang digunakan oleh pendebat itu sendiri (al-Hujuri, 2019). Mengenai hujah itu sendiri, Simon (2010) telah memberikan garis panduan ringkas bagi seseorang untuk membentangkan hujah, iaitu bermula dengan tema, huraian, contoh dan melakukan perkaitan serta kesimpulan terhadap apa yang telah diucapkan olehnya. Bentuk penghuraian hujah sebegini akan membantu para pendebat menyusun maklumat yang ingin disampaikan dengan lebih kuat dan mampu menarik perhatian juri dan penonton.

Di samping itu, debat juga merupakan suatu aktiviti yang melibatkan beberapa proses. Proses ini bukan hanya berlaku semasa para pendebat berada di atas pentas debat, malah telah bermula apabila para peserta membuat persediaan dan persiapan yang rapi sebelum pertandingan. Proses awalan ini penting dalam membantu mereka untuk bertutur dengan baik sepanjang acara berlangsung (Sueraya, et al., 2010). Proses perbincangan mengenai satu-satu tajuk debat memerlukan masa dan waktu yang panjang bagi membolehkan para pendebat mendapatkan kosa kata yang mencukupi serta gaya bahasa yang sesuai dengan setiap tajuk dan persembahan (al-Hujuri, 2019). Hal ini sedemikian disebabkan oleh perancangan yang rapi merupakan elemen utama dalam membantu meningkatkan kemahiran berbahasa seseorang (Zamri, Mohamed Amin & Nik Mohd Rahimi, 2010).

Apabila berada di atas pentas debat pula, terdapat beberapa proses lain yang perlu dilakukan, seperti melontarkan hujah, membuat celahan, mematikan hujah dan menjawab persoalan pihak lawan. Semua proses ini sudah pasti menuntut para pendebat memiliki strategi yang mantap dan berkesan bagi membantu mereka bertutur dengan lancar serta mempunyai idea yang jelas dan kritis. Bertitik tolak daripada ini, kajian ini dijalankan bagi mengkaji strategi bertutur dalam kalangan pelajar yang menjuarai acara debat bahasa Arab pada peringkat universiti.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai dua (2) objektif seperti berikut:

1. Menenal pasti strategi bertutur yang digunakan oleh pendebat bahasa Arab.
2. Menganalisis cara penggunaan strategi yang dipilih oleh pendebat dalam proses perlawanan debat.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi merungkai permasalahan kajian yang dinyatakan sebelum ini, dua (2) persoalan kajian telah ditimbulkan; iaitu:

1. Apakah strategi bertutur yang digunakan oleh pendebat bahasa Arab?
2. Bagaimanakah pendebat menggunakan strategi yang dipilih dalam proses perlawanan debat?

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Terdapat pelbagai kajian telah dijalankan dalam menggambarkan kelemahan bertutur dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya di universiti. Hal ini berlaku kerana para pelajar tidak mempunyai asas dan pengetahuan yang tinggi tentang bahasa tersebut. Terdapat beberapa pengkaji menyatakan bahawa kelemahan bertutur menjadi masalah utama sehingga mereka tidak mampu menghabiskan pengajian bahasa Arab pada waktu yang sepatutnya (Sueraya et al., 2010). Maka pengkaji menjalankan kajian ini bagi mencari penyelesaian yang efektif buat pelajar tidak kira di apa jua peringkat pengajian. Selain itu, pemerhatian pengkaji mengesahkan bahawa terdapat kajian lepas yang cuba memperbaiki kelemahan sedia ada dengan menganalisis penggunaan kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Hasil kajian menjelaskan kepada kita bahawa masalah tersebut sememangnya berlaku berdasarkan apa yang telah ditegaskan oleh Nadwah dan Nadilah (2014). Perkara ini juga disokong oleh Gan (2012) yang menyatakan bahawa proses penghantaran mesej melalui bertutur tidak dapat dihantar dengan jelas sekiranya wujud masalah kekurangan kosa kata. Perkara ini diakui oleh pengkaji dan pada asasnya kosa kata ialah permulaan bagi seseorang itu bertutur, oleh itu kajian ini mencakupi pelbagai aspek bertutur melibatkan penguasaan strategi kemahiran bertutur yang pebagai melalui aplikasi aktiviti debat bahasa Arab.

Hal ini akan memberi dampak besar terhadap proses pelajaran bahasa Arab dengan kajian yang dijalankan berdasarkan teori strategi bertutur yang digagaskan oleh Tarone (1980).

Strategi bertutur yang juga disebut sebagai strategi komunikasi melibatkan dua elemen utama, iaitu secara lisan dan bukan lisan. Proses pertuturan memerlukan kedua-dua elemen tersebut agar maklumat atau mesej yang ingin dihantar daripada penghantar kepada penerima adalah jelas dan jitu kerana kefahaman antara dua belah pihak menjadi objektif utama dalam proses ini. Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat beberapa teori berbentuk taksonomi yang membincangkan strategi bertutur digunakan sebagai asas kepada kajian. Pengkaji memilih strategi yang telah digagaskan oleh Tarone (1980) berdasarkan elemen-elemen strategi komunikasi (SK) yang menjadi asas kepada teori-teori strategi bertutur yang lain yang muncul selepas itu. Perkara ini telah disokong oleh Novia, Ahmad dan Syafi'ul (2020) yang berpendapat bahawa taksonomi Tarone (1980) merupakan kajian pertama yang memenuhi keperluan strategi komunikasi khususnya bertutur melalui kajian empirikal terhadap teori-teori sebelum ini. Mereka juga memberi penegasan bahawa strategi yang digagaskan oleh beliau merupakan antara strategi yang penting yang menjadi pemangkin kepada pengembangan teori dan taksonomi seterusnya. Pengkaji juga memfokuskan strategi ini berdasarkan keperluan dalam aktiviti debat bahasa Arab yang memerlukan seseorang itu berdebat mengikut cara dan teknik asas yang betul, selain strategi ini sendiri bersifat asas kepada taksonomi-taksonomi yang baharu yang lahir mutakhir ini.

Aktiviti debat merupakan suatu aktiviti yang merangkumi pelbagai teknik berbahasa yang melibatkan persediaan sebelum dan semasa para pendebat berdebat. Hal ini juga kerana penyertaan mereka bersama aktiviti debat disebabkan oleh kehendak mereka sendiri untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab secara khususnya. Hal ini telah disokong oleh Sueraya et al. (2010) yang menyatakan bahawa para pelajar bahasa Arab menyertai debat kerana mereka mahu meningkatkan penguasaan mereka terhadap pelajaran bahasa Arab. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti melibatkan pertuturan seperti debat adalah amat sesuai dan penting dalam memacu perkembangan pelajaran bahasa Arab. Pendapat ini dikongsi juga oleh pengkaji Rosni, Fauzi, Shaferul & Amizan (2013) yang berpendapat bahawa pelajar yang menyertai aktiviti debat merupakan mereka yang petah dalam berbahasa Arab. Selain itu, mereka dikatakan mempunyai kemahiran tinggi ketika bertutur dalam bahasa Arab.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan batasan kajian yang telah ditetapkan seperti yang berikut:


1. Kajian ini terbatas kepada penelitian terhadap strategi kemahiran bertutur sahaja melalui acara debat bahasa Arab. Acara debat melibatkan aspek bertutur yang dominan dan para pendebat perlu mempersembahkan hujah dan isi penting yang menggunakan kemahiran tersebut, juga dikenali sebagai kemahiran komunikasi secara lisan. Acara debat yang dijadikan bahan fokus pengkaji adalah

pertandingan debat bahasa Arab peringkat IPT di Universiti Putra Malaysia (UPM), iaitu *Putra Arabic Debate* yang dilangsungkan bersempena acara tahunan Al-Mahrajan Al-Arabi UPM. Pengkaji hanya memilih responden yang memenangi kejohanan tersebut sebagai sumber analisis kajian ini.

2. Responden yang dipilih bagi mencapai tujuan kajian ini merupakan juara keseluruhan dalam pertandingan *Putra Arabic Debate*. Mereka terdiri daripada pelajar di peringkat pra-universiti (Tingkatan 6) yang menduduki Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia pada tahun 2019. Mereka juga sedang menuntut di Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

### 1.8 Kerangka Konsep

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui strategi bertutur yang digunakan oleh para pendebat dalam pertandingan serta menganalisis pengaplikasian strategi ini. Memandangkan kajian ini berfokuskan kepada penggunaan strategi bertutur dalam debat bahasa Arab iaitu sebagai bahasa kedua, teori bertutur yang paling sesuai dijadikan panduan kajian ialah taksonomi strategi komunikasi yang telah digagaskan oleh Tarone (1980) '*Communication strategies, foreigner talk and repair in interlanguage*'. Kerangka konsep kajian ini boleh diterangkan sebagaimana kerangka konseptual dalam rajah 1.1 yang berikut:



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian Berdasarkan Strategi Komunikasi Tarone (1980)

Gambar rajah di atas menunjukkan kerangka konsep kajian berdasarkan strategi yang dibangunkan oleh Tarone (1980). Kesemua strategi ini dipecahkan kepada tiga strategi utama, iaitu pengelakan, parafrasa dan pemindahan. Bagi strategi pengelakan terbahagi kepada dua sub-strategi iaitu pengabaian mesej dan pengelakan topik. Manakala strategi parafrasa pula terbahagi kepada tiga (3) sub-strategi iaitu penganggaran, kata ciptaan dan penghuraian berjela. Bagi strategi yang terakhir pula iaitu pemindahan, terdapat empat (4) sub-strategi di bawahnya, iaitu terjemahan literal, rayuan kerjasama, penukaran bahasa dan mimik. Kesemua strategi dan sub-strategi ini mempunyai fungsinya yang tersendiri mengikut kesesuaian serta kehendak bentuk pertuturan yang diperlukan.

## 1.9 Definisi Operasional

Terma-terma operasional yang meliputi kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Kemahiran bertutur:

Kemahiran bertutur memberi maksud suatu kemahiran yang membantu para penutur bukan Arab untuk bertutur dalam bahasa Arab dengan efektif.

2. Strategi bertutur:

Strategi bertutur merupakan strategi komunikasi yang berkait dengan lisan. Ia merupakan aktiviti yang dilakukan oleh pelajar secara sedar dengan tujuan untuk mengatur pembelajaran bahasa yang berkait dengan pertuturan.

3. Strategi parafrasa:

Parafrasa bermaksud merumuskan sesuatu pernyataan menggunakan ayat sendiri. Strategi ini mengandungi tiga (3) sub-strategi; iaitu penganggaran, kata ciptaan dan penghuraian berjela (Tarone, 1980).

4. Strategi pemindahan:

Ia bermaksud memindahkan atau menterjemah sesuatu pernyataan. Strategi ini terbahagi kepada 4 sub-strategi iaitu terjemahan literal, penukaran bahasa, rayuan kerjasama dan mimik (Tarone, 1980).

5. Strategi pengelakan:

Strategi ini bermaksud mengabaikan maklumat atau topik yang tidak difahami dengan jelas. Strategi ini dicerakinkan kepada dua sub-strategi, iaitu pengelakan topik dan pengabaian mesej (Tarone, 1980).

6. Debat bahasa Arab

Al-Jurjāniy (2003) telah mentakrifkan debat sebagai suatu pemerhatian daripada dua belah pihak yang mewakili dua perkara yang berbeza bagi merungkai jawapan sesuatu perkara.

## 7. Pendebat bahasa Arab

Pendebat bahasa Arab di sini bermaksud para peserta bagi pasukan debat yang telah memenangi pertandingan Putra Arabic Debate 2019 yang terdiri daripada pelajar Pra-Universiti dari Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMAMAIWP).

### 1.10 Kesimpulan

Perkembangan kajian strategi bertutur bahasa asing/Arab terutama aspek kemahiran berdebat dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua perlu dilakukan dengan lebih mendalam dengan melihat faktor-faktor lain yang mempengaruhi penggunaan strategi bertutur dalam bahasa tersebut. Kemahiran bertutur dan berdebat merupakan salah satu elemen yang perlu dikaji dan diteliti agar dapat menyingkap dapatan yang boleh membantu meningkatkan lagi perkembangan pembelajaran bahasa Arab dan seterusnya membantu pihak yang bertanggungjawab dalam merangka kurikulum dan juga kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan keperluan pelajar. Bab 2 akan meninjau tinjauan literatur yang menjelaskan lagi persuratan yang terdapat dalam kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Ab Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol. 1(1), 1-14.
- Abdullah Hamzah. (2018). Kebimbangan Bahasa Guru Pelatih terhadap Pelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dan Kaitannya dengan Strategi Pelajaran. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Afini Hidayah. (2019). Istrāṭijyyat Tadrīb al-Munāzarat ‘alā daw’ Nazariyyat Oxford ladā al-Tullāb fi Nawādī al-Munāzarat bi-Jāmi’at Mawlāna Mālik Ibrāhīm al-Islāmiyyat al-Hukūmiyyat Malang. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Anuar Sopian. (2016). Tahap Pertuturan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar yang Mengambil Kursus Bahasa Arab di UiTM Melaka. *Prosiding International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilisation*, 14- 16.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. GEMA Online® *Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 645-666.
- Asmah Haji Omar. (1989). Approaches to Languages Standardization with Reference to the Standardization of Bahasa Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Symposium on the Standardization of the Kadazan Dialect* di Kota Kinabalu pada 15 Januari 1989.
- al-Ba’labakiy, M. (2005). *al-Mawrid al-Qarīb: Qāmus Jayb (‘Arabiyy-Injilīzī)*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malāyīn.
- Bailey, K. M. (2005). *Practical English Language Teaching: Speaking*. New York: MC Graw Hill.
- Balcer, C. L. & Seabury, H. F. (1965). *Teaching Speech in Today’s Secondary Schools*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Bialystok, E. (1990). *Communication Strategies*. Oxford: Blackwell.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by Principle an Interactive Approach to Language Pedagogy*. San Francisco: Longman.
- Bygate, M. (1987). *Speaking*. Oxford: Oxford University Press.
- Carter, R. & McCarthy, M. (1997). *Exploring Spoken English*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chaney, A. L. & Burk, T. L. (1998). *Teaching Oral Communication in Grades K-8*. Boston: Allyn & Bacon.

- Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. Paris: Mouton Publishers.
- Ḍayf, S. (1960). *al-Fann wa Madhāhibuhu fī al-Nathar al-‘Arabiy*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif.
- Dale, P. & Wolf, J. C. (2000). *Speech Communication Made Simple: A Multicultural Perspective*. Ed. ke-2. New York: Addison Wesley Longman.
- Dörnyei, Z. & Thurrell, S. (1991). Strategic Competence and How to Teach It. *ELT Journal*. Vol. 45(1), 16-23.
- Driscoll, M. (2000). *Psychology of Learning for Instruction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Elkhafaifi, H. (2005). Listening Comprehension and Anxiety in the Arabic Language Classroom. *The Modern Language Journal*. Vol. 89(2), 206- 220.
- Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ewbank, H. L & Auer, J. J. (1947). *Discussion and Debate: Tools of a Democracy*. New York: F.S Crofts & Co Inc.
- Fachrurrazy. (2011). *Teaching English as a Foreign Language for Teachers in Indonesia*. Malang: Universitas Negeri Malang Press.
- Faerch, C. & Kasper, G. (1986). Strategic Competence in Foreign Language Teaching. Dlm. G. Kasper (Ed.), *Learning, Teaching, and Communication in the Foreign Language Classroom* (179-193). Arhus: Aarhus University Press.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Gan, Z. (2012). Understanding L2 Speaking problems: Implications for ESL Curriculum Development in a Teacher Training Institution in Hong Kong. *Australian Journal of Teacher Education*. Vol. 37(1), 43-59.
- Griffiths, C. & Oxford, R. L. (2014). The Twenty-First Century Landscape of Language Learning Strategies: Introduction to this Special Issue. *System*. Vol. 43, 1–10.
- Hamzah Hassan. (1997). Perbandingan Pengajaran Bahasa Arab Tinggi dan Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian di Sekolah Menengah Arab. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Hamzah Omar. (2015). Pengaruh Perbezaan Individu Terhadap Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pendebat di Universiti Awam Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Harun, A. R. (2018). *Fī Ādāb al-Baḥṡh wa al-Munāzarat*. Kuwait: Dār al-Zāhiriyyat li al-Nasyr wa al-Tawzī’.



- al-Hasnawiy, R. (1999). *al-Munāzarāt al-Lughawīyyat wa al-Adabīyyat fī al- Hadārat al-‘Arabīyyat al-Islāmīyyat*. Amman: Dār Usāmah.
- Horwitz, E. K., Horwitz, M. B. & Cope, J. (1986). Foreign Language Classroom Anxiety. *The Modern Language Journal*. Vol. 70(2), 125-132.
- al-Hujuri, S. I. (2019). Tawzif al-Munazarat fi Ta’lim al-‘Arabīyyah li al-Nātiqīn bi-Ghayriha: Dirasat Wasfīyyah Tahlīliyyah. *al-Tajdid*. Vol. 23(46), 99- 147.
- Ibn Khaldūn, A. R. (1958). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. New York: Pantheon Books.
- Ismail Muda. (1999). Satu Kajian Penguasaan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- al-Jurjāniy, S. (2003). *Kitab al-Ta’rīfat*. Tahqiq: Muḥamad Abī al-‘Abbās. Kaerah: Maktabat Al-Qur’ān.
- Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz Abdullah. (2018). Tekanan Perkataan Arab sebagai Bahasa Asing oleh Penutur Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 18(1), 87-105.
- Kaseh Abu Bakar & Nur Adibah Alias. (2017). Arabic Debate & World Readiness. *International Journal of West Asian Studies*. Vol. 9(1), 93-106.
- Khamqaniy, K. (2016). Hījābiyyat al-Munāzarāt fī Kitāb al-Imtā’ wa al-Mu’ānasah li Abī Hayyān al-Tauhīdiy. Tesis Sarjana, Universitē Kasdi Merbah Ouargla, Algeria.
- Krashen, S. D. & Terrell, T. D. (1983). *The Natural Approach: Language Acquisition in The Classroom*. New York: Pergamon Press.
- Krieger, D. (2005). Teaching Debate to ESL Students: A Six-Class Unit. *The Internet TESL Journal*. Vol. 11(2). Diakses pada 9 Mac 2019 di <http://iteslj.org/Techniques/Krieger-Debate.html>
- Littlewood, W., William, L., & Swan, M. (1981). *Communicative Language Teaching: An Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mac Intyre, P. D. & Gardner, R. C. (1994). The Subtle Effects of Language Anxiety on Cognitive Processing in the Second Language. *Language Learning*. Vol. 44(2), 283-305.
- Majdan Paharal Radzi, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha, Mohammad Azizie Aziz. (2015). al-Akhtā’ al-Shāi’ah fī Nutq Ba’d al-Aṣwāt al- ‘Arabīyyah ladā Thullāb al-Jāmi’āt fī Mālīziya. *Global Journal al- Thaqafah*. Vol. 5(1), 133-144.
- Majdan Paharal Radzi. (2013). Kemahiran Sebutan Huruf dan Penyampaian dalam Debat Bahasa Arab Pelajar Universiti di Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Majdi Ibrahim, al-Fārisi, I. A. & Siddiq, S. A. (2010). Tajribat al-Jāmi’āt al- Islāmīyyat al-‘Ālamīyyat bi Mālīziya fī Ifādat min Fann al-Munāzarat al- ‘Arabīyyat fī

Tahṣīn al-Ādā' al-Lughawiy li Dirāsāt al-Lughat al- 'Arabiyyah. *Prosiding al-Lughat al-'Arabiyyat bayn al-Infirāṭ wa al- Taṭawwur, tahaddiyāt wa tawqī'āt*, 22-24.

- Maleki, A. (2007). Teachability of Communication Strategies: An Iranian Experience. *System*. Vol. 35(4), 583-594.
- Mali, Z. O. (2007). *Exploring Communication Strategy Use by Learners of Isizulu in Synchronous Computer Mediated Communication (S-CMC)*. United States of America: IOWA University.
- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. (2012). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR' 12)*, 139-155.
- Mat Taib, P. (2008). Isu-Isu Pengajaran Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Di Institusi Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, 94-96.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). *Motivasi dalam Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Morley, D. (1993). Active Audience Theory: Pendulums and Pitfalls. *Journal of Communication*. Vol. 43(4), 13-19.
- Morse, K. G. (2011). Debate: A Tool for Language Learning. *Journal of Border Educational Research*. Vol. 10(Fall), 108-119.
- Muhammad Azwan Kamaruddin & Maryam Abdul Rahman. (2020). Tauzīf Nash'āt al-Munāzarat fi Ta'allum Mahārat al-Kalām bi al-Lughat al- 'Arabiyyat: Dirāsāt Waṣfiyyat wa Tahlīliyyah. *Jurnal al-Anwar*. Vol. 9(1), 93-109.
- Nadwah Daud & Nadilah Abd Faisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Sebutan Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 14(1), 117-133.
- National Capital Language Resources Center (NCLRC)*. (2003). *Elementary Immersion Learning Strategies Resources Guide*. Washington: National Capital Language Resources Center.
- Noor Anida Awang, Rahimah Embong, Zaiton Mustafa & Azhar Yaacob. (2014). Strategi Pembelajaran bersama Rakan Sebaya untuk Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Jati di Unisza. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, 1-8.
- Noor Hashima Abdul Aziz. (2007). *ESL Student's Perspectives on Language Anxiety*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Norazlina Haji Mohd. Kiram & Noor Asliza Abdul Rahim. (2018). Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja. *Jurnal Linguistik*. Vol. 22(1), 32-48.

- Novia Rina Saidah, Ahmad Munir, Syafi'ul Anam. (2020). Communication Strategies Used by EFL Learners in Task-Based English Debate. *Linguistic English Education and Art (LEEA) Journal*. Vol. 3(2), 414-425.
- Nur Adibah Alias (2018). Sumbangan Debat kepada Pemerolehan Bahasa Kedua: Teori Output Desakan dan Pendekatan Kefasihian. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Pratiwi, Suhaila Zailani Hj. Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani. (2014). Kajian terhadap Faktor Keresahan Pelajar dalam Kelas Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, 1-10.
- O'Malley, J. M. & Chamot, A.U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Oxford, R. (1999). Anxiety and The Language Learner: New Insights. Dlm. J. Arnold (Ed.), *Affect in Language Learning* (58-67). Cambridge: Cambridge University Press.
- Quinn, Simon. (2005). *Debating*. Australia: Brisbane.
- Quinn, Simon. (2010). *al-Mursyid fi Fann al-Munāzarat: Namūzaj Buṭūlat al- 'Ālami li-Munāzarāt al-Madāris*. Trj.: Abd al-Jabbār al-Sharafiy. Qatar: Markaz Munāzarat Qatar.
- Richards, J. C. & Rodgers, T. S. (2003). *Approaches and Methods in Language Teaching*. New York: Cambridge University Press.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 13(2), 99-116.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 555-569.
- Satria Adi Pradana. (2017). Using Debate to Enhance Students' Speaking Ability as Their Character Building. *English Education: Jurnal Tadris Bahasa Inggris*. Vol. 10(1), 149-163.
- Savignon, S. J. (1972). *Communication Competence: An Experiment in Foreign Language Teaching*. Philadelphia: Centre for Curriculum Development
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 10, 1-4.
- Shanti, W. G., Pothan, A., Rao, A. RK. (2014). Effective Strategies to Develop Speaking Skills. *Proceedings of the International Conference on Trends and Innovations in Language Teaching (TILT) 2014*, Sathyabama University, Chennai, 389-391.

- Spielberger, C. (1966). *Anxiety and Behaviour*. New York: Academic Press.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat & Ismaiel Hassanein, A.M. (2010). Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case Study at The International Islamic University Malaysia (IIUM). *Contemporary Issues in Education Research*. Vol. 3(8), 9-20.
- Sueraya Che Haron. (2014). Using Communicative Approach in Arabic Language Classroom to Develop Arabic Speaking Ability. *Journal of Education and Practice*. Vol. 5(39), 29-35.
- Tafifah, R. (2016). *Manāhij al-Mutakallimīn fī al-Jadal wa al-Munāzarat*. Amman: Dar Kunūz al-Maʿrifat al-ʿIlmiyyah.
- Tarone, E. (1977). Conscious Communication Strategies in Interlanguage: A progress Report. Dlm. Brown, H. D., Yorio, C. A. & Crymes, R. H. (eds)
- Teaching and Learning English as a Second Language: Trends in Research and Practice (194-203). Washington: TESOL.
- al-Tingari, S. M. (2016). Strategies for Learning Second Language Skills: Arabic Speaking Skills in the Malaysian Context. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*. Vol. 1(1), 19-34.
- Torone, E. (1980). Communication Strategies, Foreigner Talk and Repair in Interlanguage. *Language Learning*. Vol. 30(2), 417-431.
- Underhill, N. (1987). *Testing Spoken Language: A Handbook of Oral Testing Techniques*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Varadi, T. (1980). Strategies of Target Language Learner Communication: Message-Adjustment. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*. Vol. 18(1), 59-71.
- Willems, G. M. (1987). Communication Strategies and Their Significance in Foreign Language Teaching. *System*, 15(3), 351-364.
- Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris Pelajar Cemerlang*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.